

## KENYATAAN MEDIA

### SEDANIA RAIH KEUNTUNGAN TERTINGGI SEJAK IPO

#### Sorotan Utama:

- Pendapatan syarikat meningkat 65% tahun-ke-tahun kepada RM49.10 juta pada tahun kewangan berakhir 2021
- Keuntungan Selepas Cukai (PAT) melonjak kepada RM10.54 juta bagi FYE2021 berbanding Kerugian Selepas Cukai sebanyak RM8.53 juta pada tahun sebelumnya.
- Didorong oleh sumbangan lebih tinggi daripada segmen ‘Sustainable Energy’ dan ‘Sustainable Healthcare’.

**Kuala Lumpur, Februari 28, 2022** - Sedania Innovator Berhad (“Sedania” atau “Kumpulan”), syarikat perkhidmatan tenaga lestari dan pembekal produk organik kesihatan, mencatat satu lagi set keputusan kewangan yang membanggakan, dengan keuntungan selepas cukai (PAT) terbaik sebanyak RM10.54 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (FYE2021).

Ini merupakan pencapaian yang mengagumkan setelah melalui tempoh pandemik Covid-19 yang mencabar pada 2020 di mana Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM8.53 juta.

Pada FYE2021, Kumpulan mencapai pendapatan terbaiknya sebanyak RM49.10 juta, peningkatan 65% tahun ke tahun (yoY) daripada RM29.74 juta tahun lepas, dirangsang oleh jualan yang lebih kukuh daripada segmen Sustainable Energy dan Sustainable Healthcare, yang secara kolektif menyumbang 87% kepada jumlah pendapatan Kumpulan.

Suku keempat FYE2021 (Q4FYE2021) merupakan suku untung keempat berturut-turut Sedania dengan PAT RM368,000, peningkatan ketara berbanding kerugian selepas cukai sebanyak RM6.77 juta setahun lalu. Pendapatan Q4FYE2021 meningkat 55% kepada RM10.94 juta daripada RM7.07 juta pada 2020.

Mengulas mengenai prestasi kewangan Kumpulan, Pengasas dan Pengarah Urusan Sedania Datuk Azrin Mohd Noor berkata, “Kami berbangga dengan satu lagi pencapaian sejak penyenaraian kami pada 2015 dengan keputusan tahunan terbaik

kami, setelah tumpuan ke arah perniagaan Sustainable Energy dan Sustainable Healthcare. Keputusan cemerlang ini dapat dicapai kerana usaha dan dedikasi kakitangan kami di Sedania.”

Segmen Sustainable Energy, merupakan perniagaan yang berprestasi tinggi, dimana pendapatan melonjak 8.25 kali ganda kepada RM15.65 juta pada FYE2021.

Segmen tersebut merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.29 juta pada FYE2021 setelah ia dapat menjalankan aktiviti di tapak berikutnya penutupan yang berlarutan pada 2020.

“Sustainable Energy adalah pasaran yang mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi. Perubahan iklim serta perbincangan tentang topik ini di kalangan korporat telah mendorong permintaan untuk perkhidmatan tenaga lestari kami. Oleh itu, pada 2022, kami bukan sahaja akan meneruskan tetapi mempercepatkan strategi kami untuk melabur dalam kemampunan tenaga dan masa depan pelanggan kami,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sedania, Daniel Ruppert.

Di bawah segmen Sustainable Energy, Sedania menawarkan pelanggan korporatnya model bukan Capex melalui Kontrak Prestasi Tenaga.

Perniagaan teras Sedania yang lain, segmen Sustainable Healthcare berjaya mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 26.33% tahun ke tahun kepada RM27.04 juta pada FYE2021.

Segmen Sustainable Healthcare, yang menyediakan produk jenama bayi organik dan mesra alam premium di bawah jenama *Offspring*, menyumbang 55% kepada jumlah pendapatan Kumpulan.

Segmen tersebut menunjukkan peningkatan 23.14% dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM5.56 juta.

*Offspring* menjadi sebahagian daripada Kumpulan selepas pemerolehan 51% kepentingan dalam syarikat jenama bayi organik dan mesra alam premium pada Januari 2021.

Keputusan positif yang dicapai dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, mengesahkan hala tuju strategik dan keupayaan pelaksanaan Sedania.

Melangkah ke hadapan, Datuk Azrin menjangkakan Sedania akan melonjak untuk mencapai pencapaian yang lebih memberangsangkan dalam FYE2022 kerana ia terus fokus pada segmen Sustainable Energy dan Sustainable Healthcare.

“Untuk mencatat pertumbuhan secara konsisten, kami perlu meningkatkan usaha kami dalam mengembangkan segmen-segmen tersebut sambil memainkan peranan kami dalam memelihara alam sekitar. Kami sentiasa mencari peluang perniagaan yang sesuai dengan strategi pertumbuhan keseluruhan kami,” kata Datuk Azrin.

- Tamat -

\*\*\*\*\*

#### **Mengenai Sedania Innovator Berhad**

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyenaraian pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Inovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620

E-mel: [doreenn.leong@sedaniainnovator.com](mailto:doreenn.leong@sedaniainnovator.com)



Sedania Innovator Berhad



sedaniainnovator



sedaniainnovator